



**TEKS UCAPAN
YB. DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA
MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA ESPEK SDN. BHD
DAN PERASMIAN KILANG SAWIT RISDA ULU KERATONG**

**KOMPLEKS KOMUNITI
LADANG RISDA KERATONG, PAHANG**

**24 JULAI 2016 (AHAD)
WAKTU KETIBAAN : 3.00 PETANG**

1. YB. DATUK WAN KADRI BIN WAN MAHUSSIN
(ADUN BUKIT IBAM)
2. YB. DATO MOHD FADIL BIN OSMAN
(ADUN KEMAYAN)
3. YBHG. TN. HJ. MOHD NAJIB BIN A SAMAD
(KETUA PENGARAH RISDA)
4. YBHG. TN. HJ. MOHD IHWAN BIN SUDIM
(TIMBALAN KETUA PENGARAH PENGURUSAN DAN KORPORAT)
5. YBHG. DATO' WAN AHMAD SHABARI ZAINUDDIN B. WAN MOHAMAD
(PENGARAH RISDA NEGERI PAHANG)
6. TN. HJ. MOHD GHAZALI BIN ABDUL MAJID
(KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN RISDA HOLDINGS SDN.BHD.)
7. TN. HJ. ABD. AZIZ BIN HJ. JAAFAR
(KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ESPEK SDN. BHD.)
8. DIF-DIF JEMPUTAN, PARA PEMIMPIN MASYARAKAT SETEMPAT, WAKIL
– WAKIL AGENSI, PEGAWAI DAN KAKITANGAN ESPEK, RAKAN-RAKAN
MEDIA SETERUSNYA PARA JEMPUTAN YANG DIKASIHI SEKALIAN.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran sama-sama kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin serta rahmat-Nya, kita dipertemukan dalam Majlis Sambutan Hari Raya ESPEK SDN. BHD dan Perasmian Kilang Sawit Ulu Keratong pada bulan Syawal ini, bulan yang melambangkan kemenangan dan kegembiraan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada RISDA kerana telah mengundang saya bagi menyempurnakan majlis yang sungguh bermakna ini.

2. Pertamanya, saya ingin menzahirkan sokongan saya kepada RISDA serta Syarikat Milikannya terhadap segala apa jua usaha yang telah dilakukan yang pastinya membuahkan kepercayaan dan kemudahan kepada golongan luar bandar. Saya menaruh sepenuh keyakinan, berdasarkan kepada kejayaan yang lalu, RISDA akan terus berdaya saing dan mampu membina ke arah sebuah masyarakat pekebun kecil yang disegani pada masa akan datang. Selaku Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah, saya amat berterima kasih kepada pihak RISDA kerana telah menjadi salah sebuah agensi kerajaan yang berperanan secara aktif serta bertanggungjawab dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat di negara ini. Saya menyifatkan peranan yang dimainkan oleh RISDA ini sebagai pelengkap kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif dan program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan dengan membawa perubahan secara besar-besaran buat seluruh rakyat di Luar Bandar.

3. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabas kepada RISDA dan Syarikat Milikannya, Espek Sdn Bhd di atas usaha Pembangunan Hentian Rehat Keratong yang amat bersesuaian dengan misi utama saya dalam Transformasi Luar Bandar yang bukan sahaja untuk kemudahan kepada pengguna Lebuhraya Muadzam tetapi ianya juga membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

4. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada RISDA dan pastikan ianya berterusan sehingga matlamat mensejahterakan pekebun kecil di capai. Dalam pada itu, RISDA perlu juga mengenalpasti alternatif aktiviti yang boleh menambah nilai produk yang ditawarkan yang akhirnya akan memberi keuntungan kepada semua pihak. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha kerajaan ini, pekebun kecil akan bertambah maju dan berdaya saing serta berjaya menghapuskan kemiskinan, mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan dan seterusnya meningkatkan taraf kehidupan masyarakat luar Bandar khususnya dikalangan pekebun kecil.

5. Pada hari ini juga, kita akan meninjau Kilang Sawit RISDA Ulu Keratong yang telah beroperasi hampir 32 tahun. Saya amat berbesar hati untuk melawat dan melihat kilang sawit ini yang telah menjadi punca pendapatan kepada 105 orang termasuk eksekutif, staff dan pekerja. Saya telah difahamkan bahawa kilang Espek telah meraih keuntungan sebanyak RM1.7 juta pada tahun 2015 dan ini merupakan satu angka yang membanggakan. Didoakan semoga Kilang ini akan terus memberi keuntungan berlipat ganda dan terus memberi manfaat kepada Pekebun Kecil dan Negara.

6. Akhir kata, dengan Syawal yang masih berbaki 12 hari lagi, masih belum terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan didoakan semoga segala amalan dan ibadah yang dilakukan pada Ramadhan yang lalu diterima oleh-Nya. InsyaAllah, dengan keberkatan doa kita kepada Allah S.W.T, kita akan sentiasa mendapat petunjuk dariNya dan mendapat keredhaan untuk memperolehi kejayaan. Marilah sama-sama kita doakan kepada Allah S.W.T supaya mudah-mudahan apa yang kita lakukan ini akan mencapai kejayaan dan mendapat keredhaanNya. Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh